

01 AUG 1999

Bendera

1,000 JALUR GEMILANG DIAGIHKAN KEPADA PENGGUNA JALAN RAYA

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Sebanyak 1,000 Jalur Gemilang diagihkan kepada pengguna jalan raya di Dataran Merdeka di sini, hari ini, sempena kempen Hayati Rukun Negara.

Menurut Presiden Majlis Aspirasi Pemangkin Nasional (MAPAN) Sulaiman Ahmad, kempen itu diadakan sebagai langkah menggalakkan masyarakat mengibarkan bendera Malaysia sempena Hari Kebangsaan ke-42 pada 31 Ogos dan Hari Perpaduan Negara sepanjang bulan September nanti.

Kempen anjuran MAPAN dengan kerjasama Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat itu akan berlangsung selama dua bulan bermula hari ini.

Sulaiman berkata sebanyak 20,000 poster beridentitikan perpaduan akan turut digantung di setiap ibu negeri sepanjang kempen itu sebagai sokongan menyahut sambutan Hari Merdeka.

Selain itu, simposium dan pidato bertemakan perpaduan yang membabitkan pelajar-pelajar sekolah seluruh negara akan diadakan sebagai menghayati perpaduan masyarakat berbilang kaum, kata Sulaiman.

MAPAN yang mempunyai anggota seramai 2,000 orang di kalangan usahawan kecil dan sederhana itu turut menyediakan 1.3 juta buku bersaiz poket untuk diagihkan kepada pelajar-pelajar pelbagai peringkat sempena kempen itu.

Buku itu akan memuatkan kata-kata aluan daripada Perdana Menteri dan biodata negara serta lagu-lagu kebangsaan setiap negeri.

Seramai 200 orang murid Sekolah Kebangsaan Taman Melawati (2) dan para pekerja Jabatan Perpaduan Masyarakat dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil bahagian dalam acara penyerahan bendera itu yang dirasmikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara, Wan Yaacob Hassan.

Wan Yaacob mewakili Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail.

Acara penutup menyaksikan orang ramai menurunkan tandatangan atas kain rentang berukuran 30 kaki yang mempunyai dua lakaran bendera Malaysia.

Kain rentang itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad nanti.

-- BERNAMA

ZUE PR